



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KEDUA

SHAH ALAM, 28 JUN 2013 [JUMAAT]

Mesyuarat dimulakan pada jam 09.30 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)
Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)
Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)
Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)
Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)
Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)
Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)
Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)
Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)
Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)
Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)
Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)
Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)
Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)
Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)
Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)
Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)
Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)
Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)
Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Haji Idrus
K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, A.M.S., PPT
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian binti Manan
Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salbiah binti Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Ismail bin Habib
Bentara

Puan Noor Syazwani binti Abd Hamid
Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Kedua (Pembukaan) Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga belas pada 28 Jun 2013 dimulakan dengan bacaan Doa.

I. DOA

II. PROKLAMASI

SETIAUSAHA DEWAN: Proklamasi OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, Darjah Kerabat (Selangor), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Kerabat (Terengganu), Darjah Kerabat (Kelantan), Darjah Kerabat (Perak), Darjah Kerabat (Perlis), Darjah Kerabat (Negeri Sembilan), Darjah Kerabat (Kedah), Darjah Kerabat (Johor), Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.), Dato' Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.), Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, Darjah Kerabat (Selangor), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Kerabat (Terengganu), Darjah Kerabat (Kelantan), Darjah Kerabat (Perak), Darjah Kerabat (Perlis), Darjah Kerabat (Negeri Sembilan), Darjah Kerabat (Kedah), Darjah Kerabat (Johor), Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.), Dato' Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.), Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 28 Jun 2013, 01 Julai hingga 05 Julai 2013 dan 08 Julai hingga 12 Julai 2013 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Ketiga Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 06 hari bulan Jun 2013.

DUN. Sel. 30287/12 Jld 12

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

Y.B. TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dif-dif Kehormat dan para jemputan, dengan ini dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan untuk menyampaikan Titah Ucapan. Oleh itu saya menempohkan Dewan buat seketika.

SETIAUSAHA DEWAN: Keberangkatan masuk Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan diiringi oleh Y.B. Tuan Speaker.

SETIAUSAHA DEWAN: Dengan segala hormatnya dijemput Dato' Menteri Besar Selangor untuk mempersembahkan Titah Ucapan Diraja kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Y.B. TUAN SPEAKER: Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

III. TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir rahmannir rahim;

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya sekali lagi Beta dapat berangkat ke Majlis Perasmian Mesyuarat Kedua Pembukaan Persidangan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada pagi yang mulia ini.

Di kesempatan ini Beta mengucapkan tahniah kepada semua wakil rakyat dan Beta berharap semua Yang Berhormat akan terus menjalankan amanah dan kepercayaan rakyat yang telah memilih mereka. Di sini Beta juga berkenan supaya semua wakil rakyat dapat bekerjasama dengan kepimpinan Negeri Selangor ini yang diketuai oleh Memanda Beta Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim.

Alhamdulillah Negeri Selangor yang kita kasihi ini masih di dalam keadaan aman dan makmur dan rakyatnya dapat terus menjalani kehidupan harian dengan bebas dan sejahtera. Oleh itu, Beta menyeru supaya perpaduan yang terjalin di antara seluruh rakyat di negeri ini hendaklah terus dikekalkan dan saling hormat menghormati antara satu dengan yang lain.

Negeri Selangor mengamalkan sistem demokrasi berparlimen yang mana rakyat yang menentukan hala tuju masyarakat dan negeri. Berjaya atau tidak pentadbiran Negeri Selangor ini bergantung kepada wakil rakyat dan pemimpinnya mentadbir dan memajukan negeri dengan berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor.

Beta menekankan kepentingan dasar prinsip tadbir urus yang baik, (*good governance*) dalam semua pelaksanaan tugas dan proses membuat keputusan bagi Negeri Selangor. Ini termasuklah sistem integriti dan akauntabiliti yang sedia wujud dalam kepimpinan Negeri Selangor ini dan Beta berharap sistem ini hendaklah terus diamalkan.

Beta telah difahamkan bahawa ekonomi Malaysia akan terus berkembang meskipun berhadapan dengan pertumbuhan ekonomi dunia pada kadar sederhana bagi suku pertama tahun 2013. Selangor sebagai sebuah negeri yang mengamalkan ekonomi terbuka iaitu ekonomi yang terdedah kepada suasana pasaran dan pergolakan global, sudah tentulah rakyat Beta akan turut merasa bahangnya. Beta amat memandang serius terhadap permasalahan rakyat terutamanya dalam usaha mengekalkan keamanan, kemakmuran dan kebajikan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan Beta perlu memberi tumpuan lebih bagi memastikan prestasi ekonomi yang terus stabil, meningkatkan kualiti hidup rakyat Beta, memberi perubahan kepada pembangunan desa, modal insan dan pendidikan yang cemerlang serta kesihatan yang baik untuk rakyat Beta.

Beta difahamkan ekonomi Selangor 2013 dianggar merekodkan prestasi yang sederhana dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sekitar 5.6% setahun sehaluan dengan persekitaran ekonomi dunia dan Malaysia yang sederhana. Sektor perkhidmatan dijangka akan terus menjadi pemacu ekonomi Selangor dengan aktiviti berkaitan perdagangan serta pengukuhan kemasukan pelaburan, teknologi dan tenaga profesional meningkatkan sumbangan kepada KDNK negeri.

Sebagai negeri penyumbang terbesar kepada KDNK negara dengan anggaran 22%, Selangor perlu memainkan peranan yang lebih agresif dalam meningkatkan pelaburan domestik dan asing masuk ke dalam negeri. Jumlah pelaburan tahun 2012 dicatatkan sebanyak RM11.73 bilion dengan 252 projek berjaya dimajukan. Sehingga bulan Mac 2013, jumlah pelaburan yang terus mengalir masuk ke negeri Selangor telah mencecah RM700 juta. Usaha perlu digiatkan lagi untuk menarik lebih ramai pelabur melabur di negeri Selangor. Usaha-usaha ini perlulah juga ditumpukan kepada industri berteknologi tinggi, industri yang mengamalkan teknologi hijau supaya alam dan persekitaran negeri Selangor terhindar daripada pencemaran.

Beta berkeyakinan bahawa sektor perkhidmatan akan terus berperanan besar dalam menyumbang kepada kemajuan ekonomi negeri. Sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK negeri sebanyak 56% telah membuktikan sektor ini akan terus memainkan peranan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi sebuah negeri maju. Beta berharap prestasi ini dapat dipertingkat dan diterjemahkan terhadap pembangunan menyeluruh kepada rakyat Beta. Beta berharap angka ini perlu dipantau dan disemak dari semasa ke semasa bagi memastikan prestasi ekonomi negeri berada pada landasan yang betul dan realistik. Beta ingin memastikan Negeri Selangor terus maju dan kemakmuran terus dikecapi oleh rakyat. Justeru itu, marilah kita bersama-sama bersatu padu dan berdiri teguh dalam usaha menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran yang bakal mendatang agar berhasil membawa kesejahteraan dan kebajikan kepada seluruh rakyat.

Beta bersyukur, dengan izin Allah, Selangor berjaya mengekalkan momentum sebagai negeri pemacu ekonomi negara. Beta yakin bahawa kejayaan ini adalah manifestasi kepada kejayaan serta usaha gigih dan kerjasama erat antara Kerajaan dan rakyat. Sehubungan dengan itu, usaha dan tindakan untuk mengagihkan hasil pembangunan

dan limpahan rezeki kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala di bumi Selangor ini hendaklah terus dilakukan secara adil dan saksama.

Kerajaan juga bertanggungjawab untuk menjaga keperluan rakyat dan memastikan masalah yang mereka hadapi dapat diselesaikan. Kerajaan perlu menyusun strategi memacu pertumbuhan ekonomi dengan matlamat ekonomi yang makmur dan efisien, dan seterusnya memperkenalkan sistem jaringan membantu rakyat menghadapi ekonomi yang semakin mencabar.

Beta sedia maklum bahawa sejak pertengahan 2008 yang lalu, Kerajaan telah bekerjasama dan berusaha melaksanakan pelbagai skim bagi membantu rakyat. Bantuan-bantuan yang diberi kepada rakyat yang miskin dan yang memerlukan telah memberikan manfaat di dalam kehidupan harian mereka. Pihak Kerajaan telah menyediakan peruntukan dengan matlamat supaya kekayaan negeri Selangor ini di kongsi dan diagihkan seadil-adilnya kepada rakyat Beta melalui dasar "Merakyatkan Ekonomi Selangor" atau lebih popular dengan singkatan MES.

Beta maklum bahawa melalui program-program yang telah dirangka melalui Dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor ini telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM856 juta. Beta percaya dengan jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan sejak tahun 2008 hingga bulan Februari 2013, rakyat telah mendapat manfaat hasil kekayaan negeri Selangor ini. Beta juga diberi maklum bahawa pelaksanaan dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor dimulakan pada tahun 2008 yang lalu. Dasar ini telah berjaya melaksanakan 29 program dan projek yang merangkumi menaik taraf pentadbiran Kerajaan, program penyediaan jaringan sosial dan memelihara kebajikan rakyat, program menyediakan bantuan kesihatan, program sokongan ekonomi dan program pengutamaan keselamatan kepada rakyat.

Beta faham bahawa program dan projek yang telah dirangka ini adalah manifestasi daripada janji-janji yang telah ditawarkan kepada rakyat. Beta mahu supaya kejayaan melaksanakan program dan projek yang telah dirangka melalui dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor ini diteruskan dan diperluaskan lagi skop pelaksanaannya. Dasar ini telah memberikan kebaikan dalam usaha meningkatkan kebajikan kepada rakyat. Beta berharap usaha ini akan membantu meringankan beban rakyat dan mengurangkan perbezaan pendapatan di kalangan rakyat. Pada masa yang sama, Beta ingin melihat rakyat terlibat aktif dalam semua aktiviti ekonomi. Dengan cara ini, kemakmuran ekonomi di negeri Selangor akan dapat dikecapi oleh rakyat keseluruhannya.

Beta juga suka untuk mengingatkan Kerajaan bahawa demi kebajikan negeri dan rakyat, Kerajaan Negeri Selangor perlu mengutip hasil yang secukupnya dan menyimpan rizab yang sewajarnya untuk kegunaan semasa kecemasan. Beta telah difahamkan bahawa pentadbiran negeri telah dapat meningkatkan simpanan rizab negeri kepada RM2.5 bilion sehingga bulan April 2013. Beta yakin perkara ini adalah disebabkan proses dan usaha pengutipan hasil yang telah dilaksanakan dengan cekap. Kecekapan ini perlulah diteruskan dan ditambahbaik pada masa hadapan. Kecekapan ini juga perlulah disebarluaskan kepada semua agensi Kerajaan terutamanya Pihak

Berkuasa Tempatan supaya usaha pengutipan hasil sedia ada dan tertunggak dapat dikutip yang akhirnya akan memberi semula kebaikan kepada rakyat.

Bagi tujuan kebajikan rakyat juga, Kerajaan perlu menyediakan peruntukan secukupnya untuk tujuan infrastruktur. Perbelanjaan untuk infrastruktur perlu diberi keutamaan secara berterusan bagi memastikan kualiti kemudahan awam sentiasa dalam keadaan yang baik. Selain daripada infrastruktur asas seperti jalan dan penggunaan air, Kerajaan juga harus memberikan tumpuan kepada infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi khususnya kemudahan internet.

Pelaburan di dalam teknologi jalur lebar seperti ini akan mendatangkan manfaat keilmuan serta manfaat ekonomi kepada rakyat. Peluang untuk meningkatkan pendapatan melalui kemudahan pemasaran produk serta kemahiran akan terbuka luas untuk dinikmati oleh rakyat. Usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan bagi menyediakan kemudahan internet berkelajuan tinggi perlulah diperluaskan lagi. Beta percaya bahawa pelaksanaan program seperti ini akan dapat mencergaskan lagi usaha untuk merakyatkan ekonomi dan merakyatkan ilmu di negeri Selangor ini.

Beta juga berpandangan bahawa satu lagi aspek penting yang perlu diberi perhatian serius oleh Kerajaan adalah pelaburan di dalam aspek pendidikan, penyelidikan dan kesihatan. Pelaburan yang telah dilaksanakan dalam bidang ini adalah usaha wajar dan pintar Kerajaan dalam mempersiapkan negeri pada masa hadapan. Perhatian dan galakan Kerajaan dalam hal ini akan mendorong penemuan dan inovasi yang akan mampu meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Satu lagi aspek yang tidak kurang pentingnya adalah tumpuan usaha-usaha meningkatkan mutu dan produktiviti pertanian. Ini termasuklah tanaman makanan, perikanan dan penternakan. Peningkatan produktiviti akan dapat menambah pengeluaran hasil pertanian dan sekali gus mendorong kepada penurunan harga.

Beta berharap sektor pertanian akan terus diperkasakan dengan konsep pertanian moden walaupun sektor ini hanya menyumbang pertumbuhan sebanyak satu persepuluh dua peratus 1.2% pada tahun 2012 dan merupakan penyumbang terkecil KDNK negeri. Namun Beta percaya fungsi dan peranan sektor pertanian di Selangor amat penting sebagai penyedia sumber makanan dan sumber bahan mentah kepada perusahaan asas tani serta sumber pendapatan golongan petani khususnya di kawasan luar bandar.

Selain program bantuan untuk golongan petani, penternak dan nelayan, keluarga pekerja ladang juga tidak diabaikan. Selama ini anak-anak pekerja ladang di seluruh Selangor sering ketinggalan dan diabaikan pelajarannya, maka tabung pendidikan anak-anak pekerja ladang turut diwujudkan. Beta maklum dengan keprihatinan kerajaan negeri dalam menangani masyarakat pekerja ladang.

Keprihatinan Kerajaan ini hendaklah juga merangkumi masyarakat orang asli serta masyarakat Orang Kelainan Upaya (OKU). Beta ingin melihat masyarakat orang asli dan OKU ini terus dibela dalam segala aspek kehidupan supaya mereka boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan semua rakyat di Selangor.

Sebagai Ketua Agama Negeri, Beta mahu pentadbiran Kerajaan memberikan perhatian serius terhadap usaha meningkatkan kualiti hidup umat Islam. Bagi memajukan umat, bidang pendidikan dan ekonomi mesti menjadi keutamaan. Kekuatan dalam dua bidang ini adalah benteng sebenar mempertahankan akidah dan maruah umat Islam. Beta yakin Kerajaan akan turut bersama dalam memartabatkan lagi Agama Islam dan umat Islam di negeri ini. Cara kerja yang profesional tentunya akan dapat menangkis sebarang fitnah dan tuduhan jahat sekali gus membuktikan kemampuan sebenar sistem Islam sebagai addin. Perhatian serius kepada usaha memajukan umat Islam ini tidak pernah menjadi alasan untuk mengabaikan atau meminggirkan rakyat Beta yang lain. Malah kemajuan umat Islam selaku golongan majoriti di negeri ini mampu memberikan kesan positif kepada negeri dan rakyat.

Beta berpandangan bahawa rakyat sentiasa meletakkan harapan yang tinggi kepada Pihak Berkuasa Tempatan selaku jentera pelaksana utama bagi melaksanakan dan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Beta mengharapkan pembangunan dan perkhidmatan perbandaran akan terus efisien dan mampan di samping pembangunan ekonomi bandar yang kukuh, dinamik dan berdaya saing. Penyediaan perkhidmatan bandar, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti perlu disediakan serta mewujudkan persekitaran kehidupan bandar yang sejahtera dan beridentiti.

Dalam hal ini, Beta menasihatkan supaya Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor, terus memberi tumpuan kepada tanggungjawab asasnya iaitu dengan menyediakan kemudahan jalan dan longkang yang sempurna, perbandaran yang bersih dan indah, pengurusan sampah yang cekap, pemotongan rumput dijalankan secara berjadual serta lampu-lampu jalan yang sentiasa berfungsi. PBT perlulah pantas mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima dan sentiasa bersikap inovatif dan proaktif dalam melaksanakan sebarang perubahan dan penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatannya.

Beta sedar bahawa sektor perniagaan lazimnya bertumpu pada kawasan yang sedia berkembang. Justeru itu, Kerajaan perlu merintis jalan untuk menggalakkan kemajuan di daerah-daerah atau kampung-kampung dengan menggunakan aset dan tenaga penduduk yang tinggal di kawasan setempat. Demi kepentingan masa hadapan, perancangan diperlukan untuk merakyatkan kemajuan ke setiap daerah dan pelosok negeri dengan seimbang dan berterusan. Ini bermakna, apabila pembangunan berkembang ke daerah-daerah luar bandar, anak-anak muda tidak perlu lagi mencari pekerjaan di bandar. Keadaan ini akan melegakan tekanan terhadap perbandaran, kos kehidupan, sistem pengangkutan dan prasarana bandar yang lain.

Beta berpandangan bahawa Kerajaan perlulah memikirkan konsep pembangunan bagi kawasan desa yang mempunyai matlamat untuk meningkatkan pendapatan penduduk kampung, mewujudkan nilai *ownership* pada setiap projek atau program yang akan diperkenalkan. Ini bermakna pembangunan desa mestilah dilaksanakan dengan konsep pembangunan yang bersepadu dan mampan. Konsep ini melibatkan agensi Kerajaan seperti Pejabat Daerah, Jabatan Pertanian yang bertanggungjawab menjadi penyelia pelaksanaan projek, Institusi kewangan bagi membantu merangka bantuan kewangan dan lain-lain agensi yang berkaitan.

Sebelum Beta mengakhiri titah ucapan ini, Beta juga menyeru kepada semua pihak khususnya rakyat di Selangor agar menghormati sepenuhnya Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor dan Undang-Undang Negara serta akur kepada setiap peruntukan yang telah sedia termaktub di bawah undang-undang berkenaan. Janganlah hendaknya ada pihak yang menyalah tafsir peruntukan undang-undang tersebut ke arah kepentingan dan manfaat sesuatu golongan tertentu sahaja. Kita perlu sentiasa mengangkat martabat Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor dan Undang-Undang Negara ke tahap tertinggi mengatasi segala kepentingan peribadi dan politik masing-masing. Beta yakin kita semua akan terus menikmati keamanan, keharmonian dan kesejahteraan hidup sekiranya sikap hormat-menghormati antara kaum dan mematuhi undang-undang dijadikan amalan dalam kehidupan seharian.

Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai Ahli Dewan Negeri yang mulia ini hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri semasa bersidang supaya perjalanan sidang Dewan Negeri berjalan dengan teratur dan sempurna, serta dengan penuh rasa hormat-menghormati antara satu dengan lain tanpa mengambil kira ideologi politik masing-masing. Ini adalah kerana, matlamat setiap ahli Dewan Negeri adalah sama iaitu untuk memberi perkhidmatan yang terbaik demi kebajikan rakyat dan negeri.

Sebagai ahli Dewan Negeri Selangor, apa jua tindakan dan perlakuan ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa menarik perhatian umum. Oleh yang demikian, ahli-ahli Yang Berhormat seharusnya mengamalkan nilai-nilai murni dalam setiap tindakan dan perlakuan ahli-ahli Yang Berhormat agar ianya menjadi contoh kepada masyarakat umum dan mencerminkan ketamadunan dan kemajuan Negeri ini.

Keputusan-keputusan yang dibuat oleh ahli-ahli Yang Berhormat juga hendaklah disampaikan secara telus kepada rakyat supaya rakyat dapat memahami rasional di sebalik keputusan tersebut.

Beta menaruh harapan agar ahli-ahli Yang Berhormat dapat bekerjasama sebagai satu pasukan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negeri yang kita kasihi ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat juga hendaklah sentiasa menghormati kedaulatan undang-undang dan memastikan segala tindakan dan keputusan yang diambil adalah tidak bercanggah dan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor dan undang-undang lain yang berkuat kuasa.

Beta merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penjawat awam termasuk angkatan tentera, polis dan bomba yang telah berusaha siang dan malam bagi menjamin kemajuan, kemakmuran dan keselamatan rakyat di negeri yang dikasihi ini. Ucapan Tahniah dan Selamat Maju Jaya Beta tujukan kepada Memanda Beta, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim, dalam usaha memandu kerajaan Beta serta semua Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri. Sebagai Raja Pemerintah Negeri, Beta memberi titah nasihat kepada Memanda Beta, Dato' Menteri Besar supaya bertugas dengan lebih tekun, gigih dan terus berusaha mempertahankan Negeri Selangor sebagai negeri termaju di Malaysia dan sentiasa di hadapan sepanjang masa.

Akhirnya, Beta berdoa semoga Negeri Selangor dan seluruh rakyat Beta terus mendapat perlindungan Allah dan sentiasa dilimpahi rahmat-Nya supaya rakyat Beta yang berbilang kaum bersama berusaha menjamin keamanan dan kemakmuran yang dapat diwariskan kepada anak-anak dari generasi ke generasi. Beta turut berharap semua perancangan yang direncanakan dapat dilaksanakan dengan jayanya dalam memastikan matlamat Selangor sebagai Negeri Idaman, Maju, Sejahtera Dan Berkeadilan, tercapai.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Beta mengucapkan selamat bersidang di Dewan yang mulia Ini.

Sekian, *Wabillahi taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

III. PENANGGUHAN

TUAN SPEAKER: Demikian tadi Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Patik bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor sekalian menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dengan ini saya menangguhkan Dewan ini sehingga hari Isnin, 01 Julai 2013, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

IV. BACAAN DOA OLEH SAHIBUS SAMAHAH DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI SELANGOR

SETIAUSAHA DEWAN : Dengan hormatnya dipersilakan Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor diiringi Al-Fadhil Imam Paduka Tuan dan Imam Masjid Negeri Selangor untuk membacakan doa sempena sempurnanya Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor merasmikan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas.

(Bacaan doa oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor)

SETIAUSAHA DEWAN: Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor meninggalkan Dewan Mesyuarat.

Dengan segala hormatnya dijemput semua hadirin ke jamuan ringan yang disediakan di Dewan Jamuan, Bangunan Annex. Sekian, terima kasih.

(Dewan ditangguhkan pada jam 10.20 pagi)